

KE ARAH



BAHASA

MELAYU

YANG BERKESAN

BIL. 1/2001(4)

BAHAGIAN PENGEMBANGAN BAHASA SEKTOR AWAM

JABATAN BAHASA

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

KANDUNGAN

Prakata	ii
Bahagian Satu: Kekeliruan Ejaan	1
Bahagian Dua : Kekeliruan Kata dan Makna	5
Bahagian Tiga: Beberapa Masalah Penggunaan Kata dalam Ayat	9

PRAKATA

Alhamdulillah, sekali lagi bahagian ini berjaya meneruskan hasrat untuk menggiatkan lagi usaha penyebaran bahasa Melayu di samping cuba mendidik dan mendedahkan masyarakat pengguna bahasa Melayu kepada penggunaan bahasa yang tepat.

Lanjutan daripada terbitan siri-siri risalah ini yang sebelumnya, kali ini, kami cuba mendedahkan beberapa kekeliruan yang sering timbul di kalangan pengguna bahasa Melayu. Sehubungan dengan itu, siri kali ini masih lagi menekankan beberapa aspek bahasa yang boleh dianggap penting dan perlu diketahui oleh pengguna bahasa Melayu sekalian.

Terbitan kali ini menjurus kepada 3 aspek utama, iaitu:

- i) Kekeliruan Ejaan
- ii) Kekeliruan Kata dan Makna
- iii) Beberapa Masalah Penggunaan Kata dalam Ayat

Harapan kami, semoga risalah ini masih berupaya membantu pengguna bahasa Melayu meningkatkan penguasaan dan kemahiran berbahasa.

Sekian, terima kasih,

”BAHASA JIWA BANGSA”

“CINTAILAH BAHASA KITA”

(HAJAH ZAITON BINTI AB. RAHMAN)

Ketua Bahagian Pengembangan Bahasa Sektor Awam, Jabatan Bahasa

BAHAGIAN SATU

kekeliruan

ejaan

Berikut disenaraikan beberapa kekeliruan ejaan yang sering timbul di kalangan pengguna bahasa Melayu:

KEKELIRUAN EJAAN

PEJELASAN

1

agung dan agong

Dalam bahasa Melayu, mengikut hukum keselarasan vokal, vokal `a' akan berpasangan dengan vokal `u' (**a-u**). Oleh itu, kata ini sepatutnya dieja `agung', contohnya **mesyuarat agung, seniman agung, pemimpin agung** dan **perhimpunan agung**, tetapi ada kekecualian hanya untuk **Yang di-Pertuan Agong** yang menggunakan vokal `o' untuk kata **agong**

2

perabot dan laporan,
atau
perabot dan lapuran

Ejaan yang tepat ialah **perabot** dan **laporan**, kerana kata tersebut ialah kata pinjaman daripada bahasa Indonesia. Oleh sebab itu, ejaannya tidak mengikut keselarasan vokal bahasa Melayu, iaitu `a-u'.

3	pamir atau pamer	Ejaan yang tepat ialah pamer kerana kata tersebut ialah pinjaman daripada bahasa Indonesia.
4	istirehat atau istirahat	Ejaan yang tepat ialah istirahat . Kata tersebut ialah kata serapan daripada bahasa Arab. Istirahat – rehat. Waktu istirahat ialah pukul 1.00 tengah hari.
5	Ramadhan atau Ramadan	Ejaan yang tepat ialah Ramadan , iaitu kata yang berasal daripada bahasa Arab. Ramadan – Bulan kesembilan dalam tahun Hijrah, bulan puasa.
6	dailog atau dialog	Ejaan yang tepat ialah dialog , iaitu kata serapan daripada bahasa Inggeris (dialogue). Cara penyebutannya adalah dengan mengikut bunyi huruf bahasa Melayu.
7	dairi dan diari	Kata diari ialah serapan daripada bahasa Inggeris (diary). Apabila diserap ke dalam bahasa Melayu, huruf akhir `y' ditukar menjadi `i'. Bunyi sebutan perkataan tersebut juga mengikut bunyi huruf bahasa Melayu.
8	sessi atau sesi, dan missi atau misi	Sesi dan misi ialah ejaan yang tepat dalam bahasa Melayu kerana tergolong dalam kata serapan daripada bahasa Inggeris, iaitu session dan mission . Apabila diserap ke dalam bahasa Melayu, satu `s' digugurkan dan suku kata akhir `sion' diubah menjadi `si' bagi kedua-dua kata tersebut.

9	<p>bumiputera atau bumiputra</p>	<p>Kata yang tepat untuk makna peribumi atau anak negeri ialah bumiputera. Kata bumiputra pada kata nama Bak Bumiputra Commerce ialah contoh penggunaan ejaan yang salah. Walau bagaimanapun, ejaan nama bank tersebut tidak boleh diubah kerana telah berdaftar secara sah.</p>
10	<p>bandarraya atau bandar raya</p>	<p>Dalam bahasa Melayu, kata bandar dan raya boleh berdiri sendiri dan masing-masing mempunyai makna. Jadi, ejaan yang tepat ialah bandar raya.</p> <p>Bandar raya – Bandar yang besar lagi penting, yang biasanya mempunyai penduduk seramai sejuta orang atau lebih.</p> <p>Kata nama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ialah contoh penggunaan ejaan yang salah tetapi telah terdaftar secara sah. Kesalahan sebegini seharusnya dihindarkan kerana akan menimbulkan kekeliruan pada pengguna bahasa.</p>
11	<p>tengah hari, juruukur, atau juru ukur</p>	<p>Kata juru bermakna orang yang mempunyai keahlian dalam sesuatu perkara atau ahli. Oleh sebab kata juru tidak boleh berdiri sendiri, kata tersebut dieja bercantum dengan kata yang mengikutinya. Jadi ejaan yang tepat ialah juruukur. Contoh-contoh lain, jurumasak, jurusolek, juruaudit dan juruelektrik.</p>
12	<p>tengah hari atau tengah hari</p>	<p>Kata tersebut berasal daripada dua kata, iaitu tengah dan hari. Jadi, ejaan yang tepat ialah tengah hari kerana kedua-dua kata tersebut boleh berdiri sendiri. Contoh-contoh lain, tengah malam, tengah hujan, dan tengah padang.</p>

13

memastikan atau
mempastikan

Dalam bahasa Melayu, kata dasar tertentu yang diawali dengan huruf **k**, **p**, **t**, dan **s**, akan berubah apabila mendapat apitan **meN-...-kan** kecuali untuk kata pinjaman. Jadi, kata dasar **pasti**, akan menerbitkan kata **memastikan**. Contoh-contoh lain, **mengurniakan**, **memeningkan**, **menunjukkan** dan **menyembunyikan**.

14

mengkagumkan
atau mengagumkan

Kata tersebut berasal daripada kata dasar **kagum** dan menerima apitan **meN-...-kan**. Dalam bahasa Melayu, kata dasar yang diawali dengan huruf **`k'**, akan berubah apabila menerima apitan **meN-...-kan**. Jadi, ejaan yang tepat ialah **mengagumkan**. Contoh-contoh lain, **mengayakan**, **mengemaskan** dan **mengendalikan**.

15

perlantikan atau
pelantikan

Kata yang menerangkan “perihal melantik” ialah **pelantikan**. Dalam bahasa Melayu, kata-kata yang berimbuhan **meN-...-kan**, akan berpasangan dengan kata berimbuhan **peN-...-an**. Contoh-contoh lain, **peletakan** (*meletakkan*), **pelucutan** (*melucutkan*), dan **penerbitan** (*menerbitkan*).

Kata yang menerima imbuhan **ber-**pula, akan berpasangan dengan kata berimbuhan **peR-...-an**. Contohnya, **permainan** (*bermain*), **perlepasan** (*berlepas*), dan **permasalahan** (*bermasalah*).

BAHAGIAN DUA

kekeliruan kata dan makna

Dalam bahasa Melayu, setiap kata ada maknanya yang tersendiri. Pemahaman makna untuk setiap kata sangat penting supaya ayat-ayat yang dibentuk dapat difahami oleh pembaca dan pembaca dapat menerima sepenuhnya maklumat yang disampaikan. Berikut disenaraikan perkataan yang sering menimbulkan kekeliruan kepada pengguna bahasa Melayu:

PERKATAAN

bahasa rasmi dan
bahasa kebangsaan

hemat dan hemah

PENJELASAN MAKNA

Bahasa rasmi – Bahasa yang digunakan dalam urusan rasmi kerajaan dan pentadbiran negara.

Bahasa kebangsaan – Bahasa yang utama bagi sesebuah negara yang berdaulat.

- Bagi negara Malaysia, **bahasa rasmi** dan **bahasa kebangsaan** ialah bahasa Melayu (bahasa Melayu baku).

Hemat – 1. Cermat 2. Tidak boros 3. Pemerhatian atau pengamatan.

1. Orang yang **hemat**, tidak akan mudah terpengaruh dengan kempen jualan murah.
2. Menurut **hemat** saya, tahun ini kita akan mendapat bonus.

wacana dan wahana

Hemah – Budi pekerti

1. Setiap pekerja seharusnya menjaga **hemah** diri masing-masing.

Wacana – 1. Keseluruhan tutur kata yang merupakan suatu kesatuan, ucapan pertuturan atau percakapan. 2. Kesatuan fikiran yang utuh sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan.

- Hari ini, kita dapat menyaksikan betapa sukarnya untuk mengumpulkan khalayak bagi tujuan memeriahkan dan menjayakan **wacana** ilmu.
- Kita merindui dunia kritikan sastera yang dibajai oleh pengetahuan tentang teori dan **wacana** sastera yang mendalam, dan pembacaan karya sastera yang banyak.

Wahana – Saluran atau perantaraan yang memungkinkan sesuatu dilakukan, disampaikan oleh dicapai.

- Media massa menjadi **wahana** penting dalam menyampaikan maklumat dan berita penting.
- Lukisan kartun sering digunakan orang sebagai **wahana** propaganda.

ramai dan banyak

Ramai - Menunjukkan bilangan (banyak) yang khusus untuk manusia.

Banyak – Boleh digunakan untuk menyatakan bilangan untuk manusia atau bukan manusia (binatang, tumbuh-tumbuhan dll.)

- **Banyak** orang yang masih tidak tahu menggunakan perkhidmatan itu.
- Masih **banyak** soalan yang belum dijawab oleh Faridah.

rasmi dan resmi

Rasmi – Membawa maksud disahkan oleh kerajaan atau yang berkuasa, yang diisytiharkan (ditentukan, disahkan) oleh kerajaan atau jabatan dll.), **formal**.

- Pakaian **rasmi** untuk ke pejabat bagi wanita ialah baju kurung atau kebaya.

Resmi – Bermakna sifat semula jadi atau sifat khas (benda, perangai, atau tabiat), dan disebut juga sebagai **resam**.

- Kita seharusnya mengikut **resmi** padi, semakin berisi, semakin tunduk.

sahsiah

Kata **sahsiah** ialah serapan daripada bahasa Arab yang bermakna **keperibadian** atau **peribadi**.

- Kita hendaklah memiliki **sahsiah** diri yang terpuji.

jati diri

Jati (sejati) - Bermakna asli, tulen, yang sebenarnya, tidak bercampur; identiti.

Jati diri – Identiti diri atau keperibadian diri yang sebenarnya atau asli.

- Kita seharusnya menapis kemasukan budaya asing untuk memelihara **jati diri** bangsa Malaysia.

memantau

Kata **memantau** diterbitkan daripada kata dasar **pantau** yang bermakna menengok, melihat, menjenguk. Kata tersebut merupakan padanan daripada bahasa Inggeris, **monitoring**.

- Pihak polis sedang **memantau** kegiatan penjual mercun dari semasa ke semasa.

anjakan paradigma

Anjakan – Hasil menganjak, peralihan.

Paradigma – Merujuk kepada makna lingkungan atau batasan pemikiran (seseorang atau sesuatu organisasi) pada sesuatu masa yang dipengaruhi oleh pengalaman, pengetahuan, kemahiran dan kesedaran yang ada.

Anjakan Paradigma – Peralihan paradigma (pemikiran/pengetahuan/kemahiran) daripada satu lingkungan atau batasan kepada sesuatu yang baru (biasanya kepada yang lebih baik).

- Setiap orang seharusnya melakukan **anjakan paradigma** untuk meningkatkan kualiti diri.

BAHAGIAN TIGA

beberapa masalah penggunaan kata dalam ayat

Penggunaan perkataan yang tidak tepat dalam ayat boleh menyebabkan terjadinya perubahan makna. Ketepatan pemilihan kata-kata adalah penting supaya maklumat yang disampaikan tepat. Berikut disenaraikan ayat-ayat yang sering digunakan oleh pengguna bahasa Melayu:

SALAH

Ada **berbagai** barang di kedai itu.

Ada **pelbagai barang-barang** di kedai itu.

Ali **dihadiahkan** sebuah buku harian.

Saya **menghadiahkan** Salim sebuah basikal.

Emak **menghadiahi** baju kepada adik.

BETUL

Ada **berbagai-bagai** barang di kedai itu.
Ada **pelbagai** barang di kedai itu.

Ada **pelbagai barang** di kedai itu.

Ali **dihadiahi** sebuah buku harian.
Sebuah buku harian **dihadiahkan** kepada Ali.

Saya **menghadiahi** Salim sebuah basikal.

Saya **menghadiahkan** sebuah basikal kepada Salim.

Emak **menghadiahkan** baju kepada adik.

Buku itu **dihadiahi** kepada Ali.

Dia **merindukan** anaknya.

Ibu **meniduri** adik.

Hakim **menjatuhkan** pembunuh itu hukuman gantung.

Hakim telah **menjatuhi** hukuman gantung kepada pembunuh itu.

Bangunan itu **adalah** Daya Bumi.

Perkara itu **ialah** benar.

Bola itu **ditendang oleh** saya.

Bola itu **Ali tendang**.

Di masa cuti sekolah, banyak orang yang balik ke kampung.

Dia menceburkan diri **di bidang** perniagaan.

Dalam bilik itu ada banyak nyamuk.

Di atas perhatian daripada pihak tuan, saya mengucapkan terima kasih.

Bersama surat ini, saya lampirkan borang kaji selidik.

Saya tidak menyebelahi **kedua** belah pihak yang bermusuhan itu.

Buku itu **dihadiahkan** kepada Ali.

Dia **merindui** anaknya.

Ibu **menidurkan** adik.

Hakim **menjatuhi** pembunuh itu hukuman gantung.

Pembunuh itu **dijatuhi** hukuman gantung.

Bangunan itu **ialah** Daya Bumi.

Perkara itu **adalah** benar.

Bola itu **saya tendang**.

Bola itu **ditendang oleh** Ali.

Pada masa cuti sekolah, banyak orang yang balik ke kampung.

Dia menceburkan diri **dalam bidang** perniagaan.

Di dalam bilik itu ada banyak nyamuk.

Atas perhatian daripada pihak tuan, saya mengucapkan terima kasih.

Bersama-sama surat ini, saya lampirkan borang kaji selidik.

Saya tidak menyebelahi **kedua-dua** belah pihak yang bermusuhan itu.

Saya tidak akan **mensiakan** peluang ini.

Setengah orang tidak suka makan makanan yang manis-manis.

Dia selalu berkunjung Eropah.

Segala sesuatu yang dilakukan itu bergantung **kepada** niat seseorang.

Di antara yang hadir ke majlis tersebut ialah ibu saya.

Rumah Azah terletak **antara** Kuala Lumpur dengan Kajang.

Kerjasama **di antara** Dewan Bahasa dengan pihak luar akan diteruskan lagi.

Program ini ialah hasil daripada kerjasama antara UPM **dan** Dewan Bahasa.

Dia belajar **dari** pengalaman.

Buku itu **dia hantar** ke perpustakaan.

Buku itu dimasukkan **dalam** laci.

Dia datang **bila** dipanggil.

Semoga Allah **mencucuri** rahmat ke atas rohnya.

Dia **memandang kepada** saya.

Saya tidak akan **mensia-siakan** peluang itu.

Sesetengah orang tidak suka makan makanan yang manis-manis.

Setengah-setengah orang tidak suka makan makanan yang manis-manis.

Dia selalu berkunjung **ke** Eropah.

Segala sesuatu yang dilakukan itu bergantung **pada** niat seseorang.

Antara yang hadir ke majlis tersebut ialah ibu saya.

Rumah Azah terletak **di antara** Kuala Lumpur dengan Kajang.

Kerjasama **antara** Dewan Bahasa dengan pihak luar akan diteruskan lagi.

Program ini ialah hasil daripada kerjasama antara UPM **dengan** Dewan Bahasa.

Dia belajar **daripada** pengalaman.

Buku itu **dihantar olehnya** ke perpustakaan.

Buku itu dimasukkan **ke dalam** laci.

Dia datang **apabila** dipanggil.

Semoga Allah **mencucurkan** rahmat ke atas rohnya.

Dia **memandang** saya.

Dia **memberi** pelajaran kepada anaknya.

Dia **memberi** sebuah buku kepada saya.

Dia **memberikan** anaknya pelajaran.

Dia **memberikan** saya sebuah buku.

Ahmad telah **membesar** dan memajukan perniagaannya

Dia **memperisteri** anaknya dengan anak guru besar.

Dia **memperisterikan** Aminah.

Mereka **memberitahu perkara itu** kepada saya.

Mereka **memberitahukan saya** perkara itu.

Salmah **menaiki** bendera itu.

Sudah lama awak tidak **memberi** perhatian kepada saya.

Buku-buku itu untuk dihadiahkan **ke** sekolah semasa program Kembara Bahasa

Oleh **kerana** itu, masalah ini harus diselesaikan dengan segera.

Agenda mesyuarat adalah seperti di bawah:

Silalah datang ke rumah saya pada **bila** masa.

Dia **memberikan** pelajaran kepada anaknya.

Dia **memberikan** sebuah buku kepada saya.

Dia **memberi** anaknya pelajaran.

Dia **memberi** saya sebuah buku.

Ahmad telah **membesarkan** dan memajukan perniagaannya.

Dia **memperisterikan** anaknya dengan anak guru besar.

Dia **memperisteri** Aminah.

Mereka **memberitahu saya** perkara itu.

Mereka **memberitahukan perkara itu** kepada saya.

Salmah **menaikkan** bendera itu.

Sudah lama awak tidak **memberikan** perhatian kepada saya.

Buku-buku itu untuk dihadiahkan **kepada** sekolah semasa program Kembara Bahasa.

Oleh **sebab** itu, masalah ini harus diselesaikan dengan segera.

Agenda mesyuarat adalah seperti **yang** di bawah:

Silalah datang ke rumah saya pada **bila-bila** masa.

Pilihlah **mana** yang sesuai.

Ambillah **apa** yang anda sukai.

Letakkanlah **di mana** yang sesuai.

Aku tidak peduli **ke mana** pun kamu pergi.

Perangainya sejak akhir-akhir ini berbeza **dari** kebiasaan sebelumnya.

Anda berasal **daripada** mana?

Sembahyanglah kamu sebelum kamu **disembahyangkan**.

Tiap orang akan diberikan wang saku RM100.

Mereka-mereka yang tidak membayar denda akan ditangkap.

Pilihlah **mana-mana** yang sesuai.

Ambillah **apa-apa** yang anda sukai.

Letakkanlah **di mana-mana** yang sesuai.

Aku tidak peduli **ke mana-mana** pun kamu pergi.

Perangainya sejak akhir-akhir ini berbeza **daripada** kebiasaan sebelumnya.

Anda berasal **dari** mana?

Sembahyanglah kamu sebelum kamu **disembahyangi**.

Tiap-tiap orang akan diberi wang saku RM100.

Setiap orang akan diberi wang saku RM100.

Mereka yang tidak membayar denda akan ditangkap.

KETUA PENGARAH : DATO' HAJI A. AZIZ BIN DERAMAN
PENGARAH JABATAN BAHASA : DR. HAJI AWANG BIN SARIYAN
KETUA BAHAGIAN PENGEMBANGAN BAHASA SEKTOR AWAM : HAJAH ZAITON BINTI AB. RAHMAN
SIDANG PENYUNTING : BAHAGIAN PENGEMBANGAN BAHASA SEKTOR AWAM

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila hubungi sidang penyunting di alamat:

Bahasa Pengembangan Bahasa Sektor Awam,
Jabatan Bahasa,
Jalan Dewan Bahasa,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
50460 Kuala Lumpur.

Talian Penting Khidmat Nasihat Bahasa : 03-21481960/21485887

Faksimile : 03-21445727

E-mel : bpsa@dbp.gov.my